



جانب مني فيليس
JABATAN MUFTI NEGERI PERLIS



Fatwa Caruman Wang Zakat Untuk Asnaf Yang Memerlukan Perlindungan Dari Skim Perlindungan, Takaful (Asuransi Syariah) Dan Khairat Kematian

Editor Unit Fatwa

26 Jun 2026

/ Jumlah paparan: 28



KEPUTUSAN MESYUARAT KHAS

JAWATANKUASA FATWA NEGERI PERLIS KALI BIL. 1/2026

7 MEI 2026 / 19 ZULKAEDAH 1447

Bil. 1 TAHUN 2026

**FATWA CARUMAN WANG ZAKAT UNTUK ASNAF YANG
MEMERLUKAN PERLINDUNGAN DARI SKIM PERLINDUNGAN,
TAKAFUL (ASURANSI SYARIAH) DAN KHAIRAT KEMATIAN**

Pihak pengurusan zakat boleh membayar caruman takaful atau khairat kematian atau skim perlindungan patuh syariah untuk semua kategori asnaf yang memerlukan. Ini hendaklah memenuhi beberapa syarat:

1. Pihak asnaf bersetuju untuk wang zakat yang diperuntukkan kepada mereka disalurkan untuk tujuan caruman tersebut. Ini merangkumi wang yang sudah berada di tangan mereka atau wang mereka yang masih di pihak pengurusan zakat. Ertinya, pihak pengurusan zakat boleh mewakili mereka dalam urusan tersebut.
2. Caruman tersebut merupakan keperluan golongan asnaf berkaitan, seperti keperluan mereka apabila berlaku kemalangan, kematian, kecacatan kekal dan kerosakan harta benda. Keperluan ini merujuk kepada latar keadaan asnaf.
3. Hendaklah diambil kira keperluan atau kemudahan sedia ada yang telah diperuntukkan oleh pihak kerajaan atau selainnya agar tidak berlaku pembaziran dalam carumah sedangkan keperluan atau kemudahan tersebut telah dipenuhi. Ini seperti kemudahan yang serupa yang sudah ada atau jaminan lain seperti hospital/klinik kerajaan, PERKESO, pencen dan seumpamanya.

KEHADIRAN DAN PERSETUJUAN OLEH:

1. Sahibus Samahah Profesor Dato' Arif Perkasa Dr Mohd Asri Bin Zainul Abidin
2. Sahibul Fadhilah Ustaz Tajul Urus bin Abdul Halim
3. Sahibul Fadhilah Profesor Dr. Muhamad Rozaimi bin Ramle
4. Sahibul Fadhilah Profesor Dr. Basri bin Ibrahim

5. Sahibul Fadhilah Profesor Dr. Azman Bin Mohd Noor
6. Sahibul Fadhilah Prof Madya Dr. Mohd Akram bin Dato' Dahaman
@ Dahlan
7. Sahibul Fadhilah Dr. Hj Zaharuddin bin Hj Abdul Rahman
8. Sahibul Fadhilah Prof Madya Dr Ahmad Wifaq Bin Mokhtar
9. Sahibul Fadhilah Dr Ahmad Sufian Bin Che Abdullah
10. Sahibul Fadhilah Ustaz Syed Abu Bakar bin Syed Kamal Bharin
11. Sahibul Fadhilah K.H Dr. Zaitun bin Rasmin
12. Sahibul Fadhilah Dr. Muhammad Lukman bin Mat Sin
13. Sahibul Fadhilah Ustaz Burhanudin bin Lokman
14. Sahibul Fadhilah Dr. Muhammad Luthfi bin Mohammad Masruh
15. Al-Fadhil Ustaz Muhammad Khidhir bin Abdul Ghani – Setiausaha

***DIPERAKUKAN dalam Persidangan Mesyuarat Majlis Agama Islam
dan Adat Istiadat Melayu Perlis Bil 3 / 2026 pada 19 Mei 2026.***



**PERLIS INTERNATIONAL
SUNNAH CONVENTION
P A U T A N K E R A J A A N**

P A U T A N D A L A M A N

S T A T I S T I K

Hari Ini	2420
Semalam	2638
Minggu Ini	18742
Bulan Ini	69354
Keseluruhan	3736777

Masa Capaian : 0.99 saat Kemaskini : 28/6/2026

Hak Cipta Terpelihara © Jabatan Mufti Negeri Perlis 2023

Jabatan Mufti Negeri Perlis tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kehilangan data atau kerugian yang berlaku disebabkan penggunaan portal ini.

Paparan terbaik gunakan Google Chrome atau Mozilla Firefox pada resolusi

1024x768 pixel